

PM lebih arif pelbagai isu pendidikan

m/d: 4

BH - 11/1/2020

NUTP harap Dr M selesai segera, lebih berkesan isu berkaitan kementerian

Oleh Junita Mat Rasid dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilihat paling sesuai memangku sementara jawatan Menteri Pendidikan kerana pernah meneraju kementerian terbabit serta lebih memahami pelbagai isu berkaitan.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang, berharap Dr Mahathir akan meneliti pelbagai perkara yang sudah lama dibangkitkan, termasuk isu bebanan guru, peruntukan dan penyalaran bantuan.

Katanya, sebagai pemimpin

yang pernah menjadi Menteri Pendidikan, Dr Mahathir sudah pasti memahami isu berkaitan kementerian terbabit.

“Kita rasa apabila yang memegang jawatan ini adalah seorang Perdana Menteri, negarawan dan seorang yang pernah menjadi Menteri Pendidikan, dia memahami selok belok tentang apa yang berlaku secara langsung di kementerian itu,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan semalam, berkata Kabinet dalam mesyuarat pada Rabu lalu memutuskan Dr Mahathir memangku sementara jawatan itu sehingga Menteri Pendidikan yang baharu, dilantik.

Aminuddin berkata, pemilihan



Perdana Menteri lebih memahami apa yang berlaku. NUTP berharap isu berkaitan dengan kementerian diselesaikan segera.

Aminuddin Awang,
Presiden NUTP

untuk Dr Mahathir sendiri yang memangku jawatan Menteri Pendidikan juga dianggap bersesuaian dengan keadaan semasa dan situasi politik pada masa ini.

“Perdana Menteri lebih memahami apa yang berlaku. NUTP berharap isu berkaitan dengan kementerian diselesaikan segera. Apabila Perdana Menteri memangku jawatan itu, banyak isu berkaitan boleh diselesaikan dengan lebih cepat dan berkesan yang memberi impak lebih besar,” katanya.

Pengerusi Persatuan Kumpulan Ibu Bapa Bertindak Untuk Pendidikan (PAGE), Datin Noor Azimah Abdul Rahim, berkata pihaknya percaya Kementerian Pendidikan satu-satunya kementerian yang amat penting dalam pembangunan modal insan dan seterusnya perkembangan ekonomi.

Sehubungan itu katanya, jika seseorang bukan ahli politik yang

sesuai, gagal untuk memegang jawatan terbabit, maka Perdana Menteri yang layak menerajunya susulan situasi kritikal ketika ini.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan harus terlebih dahulu menerima hakikat bahawa sistem pendidikan negara kini memerlukan pembaharuan.

“Tanpa perubahan minda dan budaya, kita akan sentiasa selama-lamanya dibebani dengan rintangan dan politik,” katanya.

Sementara itu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyambut baik langkah Dr Mahathir memangku jawatan Menteri Pendidikan dan percaya keputusan itu adalah hak prerogatif Perdana Menteri dan tidak boleh dipersoal oleh mana-mana pihak.

Sehubungan itu Presiden GPMS, Mohd Alif Anas Md Noor, menggesa semua pihak kembali fokus dan bersatu dalam agenda mempertingkatkan kualiti pendi-



Jika seseorang bukan ahli politik yang sesuai, gagal untuk memegang jawatan terbabit, maka Perdana Menteri yang layak menerajunya susulan situasi kritikal ketika ini.

Noor Azimah Abdul Rahim,
Pengerusi Persatuan Kumpulan Ibu Bapa Bertindak Untuk Pendidikan

dikan negara ke tahap yang lebih baik.

Katanya, GPMS juga mempunyai seluruh keyakinan pada kebijaksanaan Perdana Menteri untuk menegakkan agenda pendidikan Melayu.